

# Waspada dengan penggunaan laman sosial

BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD  
zaitonmohamad@yahoo.com

46 21-03-2012 B4

**KEHIDUPAN** remaja merupakan satu perkara yang menyeronokkan dalam hidup. Andaikata diberikan peluang kepada golongan yang berusia sudah tentu mereka akan mengiakan betapa seronoknya kehidupan pada alam remaja mereka. Mungkin apabila berbicara tentang zaman remaja mereka sudah pasti akan ada yang tersenyum dan ketawa terbahak-bahak. Apa tidaknya pada zaman itu pelbagai aksi dan ragam kenalan mereka yang timbul. Mungkin juga pada zaman dahulu talian telefon, malah jaringan internet belum lagi begitu meluas, malah mungkin untuk mendapatkan komputer juga belum tentu mereka perolehi kerana pada zaman awal 80an mesin taip masih lagi menjadi kegunaan ramai, namun penggunaan mesin taip semi elektronik juga mula muncul menjelang awal 90an di negara kita.

Bagi penulis masih lagi sempat menggunakan mesin taip ala separa elektronik pada zaman belajar di universiti. Walau bagaimanapun pertengahan 90an pengguna komputer mula digemari ramai. Pada zaman itu talian internet

baru diperkenalkan. Oleh itu, pada zaman itu ramai remaja berlumba-lumba untuk berbual dan mengenali rakan-rakan melalui alam maya dengan cara chatting. Pada waktu itu remaja masih belum begitu meluas menggunakan alam maya untuk mencari rakan dan penggunaan telefon bimbit juga masih belum ketara. Justeru itu menjelang awal tahun 2000 penggunaan telefon bimbit yang canggih seperti mempunyai kamera dan boleh menggunakan talian internet telah memberikan kesan yang besar kepada remaja.

Mungkin sebelum itu rakaman-rakaman yang kurang sopan masih lagi tidak begitu meluas namun dek kerana kemajuan teknologi semakin banyak gambar-gambar yang kurang sesuai di upload dan di download untuk menjadi tatapan seluruh dunia. Justeru itu golongan remaja yang kurang cerdik akalnya akan mudah berkongsi perkara-perkara yang berbentuk peribadi dengan rakan-rakan yang lain di alam maya. Malah penggunaan laman sosial pada masa kini juga telah memberikan kesan negatif kepada gaya hidup sihat remaja. Berapa ramai keluarga yang menetapkan syarat kepada anak-anak mereka sekiranya ingin menggunakan laman sosial

mahupun melayari internet perlu menggunakannya di ruang tamu ataupun di tempat-tempat terbuka? Mungkin dengan cara itu dapat mengurangkan anak-anak remaja melayari laman sesawang yang kurang sesuai dengan usia mereka.

Jumlah laporan yang didedahkan oleh media masa juga mengenai menjadi mangsa dek penipuan laman sosial juga sudah semakin bertambah. Ada yang tertipu dengan kata-kata madah pujangga teman sosial sehinggakan menghabiskan ribuan ringgit untuk membuktikan cinta sejati, ada juga yang terjebak dengan pelacuran, malah ada juga terjebak dengan perzinaan kerana dek mabuk asmara. Mungkin kedengaran macam perkara remeh-temeh dan bersifat keperibadian namun apabila dilihat dan diteliti sebenarnya itulah punca penyakit mental yang dialami masyarakat zaman kini. Kemajuan teknologi menyebabkan golongan yang belum bersedia menerimanya akan mengalami kejutan kemajuan teknologi sehinggakan sanggup memalukan dirinya di depan masyarakat dunia dengan cara memaparkan gambar-gambar peribadi di dalam laman sosial.

Malah percakapan dan

pergaduhan antara suami isteri juga ada juga yang menggunakan laman sosial. Dengan cara itu seolah-olah ingin memaparkan kelemahan diri sendiri. Justeru itu institusi kekeluargaan semakin rapuh dan tidak mustahi ramai yang akan memillih untuk menjadi andartu atau pun bujang terlajak suatu hari nanti. Malah akan menyebabkan gangguan emosi kepada masyarakat semakin bertambah. Apatah lagi kepada anak-anak yang melihat dan mengalami situasi yang tidak baik berlaku di dalam keluarga mereka. Keadaan itu memberikan implikasi yang kurang baik kepada tumbesaran jiwa anak-anak malah bagi yang memilih untuk hidup sendirian juga akan memberikan implikasi negatif kepada pertambahan bilangan penduduk. Justeru itu dalam meneliti kehidupan alam remaja harus menggunakan kebijaksanaan sebaik mungkin supaya tidak mudah terpengaruh dengan anasir yang negatif dan boleh menggelapkan kehidupan sendiri pada masa hadapan. Lantaran itu peranan ibu bapa, masyarakat dan pihak berkuasa juga harus diberikan penekanan agar masing-masing tidak saling tuding-menuding jari dalam mencari kaedah terbaik menangani setiap isu sosial yang timbul.